

28 FEB 2001

Kabel-Peruntukan

PUSAT LULUSKAN RM46 JUTA UNTUK PROJEK KERETA KABEL DI LANGKAWI

LANGKAWI, 28 Feb (Bernama) -- Kerajaan Pusat telah meluluskan peruntukan sebanyak RM46 juta bagi pembinaan projek perkhidmatan kereta kabel menghubungkan puncak Gunung Machincang setinggi 708 meter dengan stesen pangkalan di kompleks membeli belah bersepadu Oriental Village di Teluk Burau di sini.

Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) Datuk Zainal Karib Abdul Rahim hari ini berkata projek itu akan dilaksanakan secara usahasama di antara Dopple-Mayer, syarikat pembuat kereta kabel terkemuka dunia dari Austria dengan sebuah syarikat tempatan.

Penyerahan tapak projek akan dibuat tidak lama lagi dan mengikut perjanjian, projek itu perlu disiapkan dalam tempoh 60 minggu, katanya pada persidangan media di kompleks Lada di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyebut mengenai kemungkinan mengadakan perkhidmatan kereta kabel itu semasa melawat Langkawi Mac tahun lepas.

Berikutan itu, Lada telah mendapatkan khidmat Wyss Planning Consultants dari Switzerland untuk membuat kajian berhubung projek itu awal Mei tahun lepas yang mendapati projek itu berdaya maju dengan menggunakan kereta kabel berbentuk gondola yang boleh membawa enam orang setiap perjalanan.

Menurut syarikat perunding jika perkhidmatan itu menjadi kenyataan, ia dapat menarik lebih ramai pelancong mengunjungi pulau peranginan ini.

Sementara itu, Zainal Karib berkata kedatangan pelancong ke Langkawi dijangka meningkat ke angka 2.1 juta tahun ini berdasarkan jumlah pelancong sebanyak 1.8 juta orang yang melawat pulau peranginan ini tahun lepas.

"Saya berpuas hati dengan jumlah pelancong yang melawat Langkawi dan yakin lebih banyak lagi akan datang berikutan pelbagai aktiviti yang diatur sepanjang tahun ini seperti pengisytiharan Langkawi sebagai Bandaraya Pelancongan Mac ini dan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa (LIMA) mulai 9 hingga 14 Okt," jelas beliau.

Sepanjang tahun lepas, lebih 200,000 pelancong asing telah melawat Langkawi dan daripada jumlah itu pelancong Thailand mencatat angka tertinggi iaitu 60,000 orang diikuti Singapura (22,000) Australia (17,358), Taiwan (13,000), United Kingdom (11,000) dan 10,800 orang dari Norway, Denmark dan Sweden.

Katanya Lada akan terus meningkatkan kemudahan yang ada di Langkawi melalui peruntukan kerajaan pusat sebanyak RM107.5 juta yang diluluskan tahun ini.

Peruntukan itu juga termasuk melaksanakan projek pembesaran Kompleks Sukan Langkawi sebanyak RM10 juta, projek pembesaran jalan utama sepanjang empat kilometer dari Pokok Asam sehingga ke Taman Medan Berjaya (RM5 juta) dan projek petempatan semula pengusaha ikan bilis dan penduduk di Bukit Malut (RM5 juta).

Peruntukan itu juga termasuk untuk projek pembangunan dan pengindahan Sungai Kuala Melaka bernilai RM28 juta yang dijangka siap 14 Jun dan pemulihan pantai Kok dan penahan ombak di pantai itu yang menelan belanja RM29.6 juta dan dijangka siap 14 Ogos.

Lada juga sedang membina dan menyiapkan bagi menaik taraf parit sedia ada di Sungai Kuah bernilai RM2.7 juta dan dijangka siap April ini selain mendalamkan muara Sungai Kuah, Sungai Chenang dan muara Kuala Sungai Melaka bernilai RM4.8 juta yang dijangka siap tidak lama lagi.

Katanya mulai esok, orang ramai boleh masuk secara percuma ke

perkampungan Air Hangat di sini dan cuma perlu membayar untuk mandi air hangat masin yang kedua di Asia. Sebelum ini RM4 dikenakan untuk masuk ke perkampungan itu.

Satu kajian akan dijalankn oleh Jabatan Geologi Universiti Malaya mengenai sumber air berkenaan tidak lama lagi.

Zainal Karib juga berkata Lada sedang mengumpulkan maklumat mengenai senarai status dan masalah pada sejumlah besar jeti yang ada di sini untuk kegunaan pelancong, nelayan dan kegunaan am.

Katanya ada di antara jeti berkenaan yang digunakan oleh pelancong untuk perkhidmatan mengelilingi pulau berada dalam keadaan daif.

-- BERNAMA

NH ZB